



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Kumpulan Wang Antarabangsa (Pengesahan Pindaan
Perkara-Perkara Perjanjian) 1969**

DR.34/1969

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Act untuk mengadakan peruntokan bagi mengesahkan pindaan² kepada Perkara² Perjanjian Kumpulan Wang Antarabangsa, menurut Ketetapan No. 23—5 yang diluluskan oleh Lembaga Pengelola Kumpulan Wang Antarabangsa, pada 31 haribulan Mei, 1968, dan lain² perkara yang berkenaan dengan-nya.

[1]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act Kumpulan Wang Antarabangsa (Pengesahan Pindaan Perkara² Perjanjian), 1969. Tajok ringkas.

2. Dalam Act ini—

Tafsiran.

“Kumpulan Wang Antarabangsa” (kemudian daripada ini di-sebut “Kumpulan Wang”) erti-nya Kumpulan Wang Antarabangsa yang Persekutuan ada-lah menjadi ahli menurut kuasa sekshen 3 Ordinance Perjanjian Bretton Woods, 1957; 75/1957.

“Perkara² Perjanjian” erti-nya Perkara² Perjanjian Kumpulan Wang tersebut;

“Akaun Pengeluaran Khas” erti-nya akaun yang melalui-nya Kumpulan Wang akan melakukan segala perjalanan dan urusan² yang melibatkan Hak² Pengeluaran Khas yang akan di-tuboh di-bawah Perkara² Perjanjian sa-bagaimana di-pinda.

Kebenaran
bagi
mengesah-
kan pindaan
kapada
Perkara²
Perjanjian
Kumpulan
Wang dan
menyertai
Akaun
Pengeluaran
Khas.

3. Yang di-Pertuan Agong boleh melalui suratchara yang di-tandatangani oleh-nya memberi kuasa kapada mana² orang yang di-namakan-nya dalam suratchara itu—

(a) bagi mempersetujui bagi pihak Malaysia pindaan² kapada Perkara² Perjanjian Kumpulan Wang yang di-lampirkan kapada Laporan April 1968 oleh Pengarah² Kerja Lembaga Pengelola Kumpulan Wang itu, bagi maksud—

(i) menubuhkan suatu kemudahan baharu berdasarkan kapada Hak² Pengeluaran Khas dalam Kumpulan Wang itu; dan

(ii) menguatkuasakan perubahan² tertentu dalam kaedah² dan amalan Kumpulan Wang itu; dan

(b) mendeposit bagi pihak Malaysia dengan Kumpulan Wang suatu suratchara yang menyatakan bahawa Kerajaan, mengikut undang² dalam Malaysia, ada-lah menyanggupi segala kewajipan sa-suatu peserta dalam Akaun Pengeluaran Khas yang di-tuboh oleh Kumpulan Wang di-bawah pindaan² tersebut dan bahawa Kerajaan telah mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkannya menjalankan segala kewajipan ini.

Pembayaran
dan
terimaan
berhubung
dengan
Akaun
Pengeluaran
Khas.

4. (1) Jika sa-kira-nya Malaysia menjadi peserta dalam Akaun Pengeluaran Khas itu, semua sekshen-kecil yang berikut hendak-lah berkuatkuasa.

(2) Hak² Pengeluaran Khas yang di-beri kapada Malaysia di-bawah Perkara 24 dalam Perkara² Perjanjian sa-bagaimana di-pinda dan hak² yang di-perolehi oleh Malaysia dengan jalan lain, hendak-lah di-kreditkan kapada Kumpulan Wang Yang di-Satukan bagi Persekutuan.

(3) Segala hasil yang terbit daripada penggunaan Hak² Pengeluaran Khas oleh Malaysia dan pembayaran bunga kapada Malaysia di-bawah Perkara 26, Perkara 30 dan Perkara 31 dalam Perkara² Perjanjian sa-bagaimana di-pinda, hendak-lah di-kreditkan dalam Kumpulan Wang Yang di-Satukan bagi Persekutuan.

(4) Pembayaran dengan mata wang oleh Malaysia sa-bagai balasan bagi Hak² Pengeluaran Khas, dan pembayaran bayaran² atau bayaran taksiran di-bawah Perkara 26, Perkara 30, dan Perkara 31 dalam Perkara² Perjanjian sa-bagaimana di-pinda, hendak-lah di-pertanggungkan atas Kumpulan Wang Yang di-Satukan bagi Persekutuan.

5. (1) Yang di-Pertuan Agong, jika di-fikirkan-nya mustahak, boleh dengan perintah membenarkan Bank Negara Malaysia menjalankan hak²-nya dan menunaikan kewajipan²-nya, ia-itu hak² dan kewajipan² yang terbit akibat suatu suratchara di-depositkan dengan Kumpulan Wang di-bawah perenggan (b) sekshen 3.

Kuasa Kerajaan memberi hak dan kewajipan di-bawah Akaun Pengeluaran Khas kepada Bank Negara Malaysia.

(2) Apabila suatu perintah telah di-buat di-bawah sekshen-kecil (1)—

(a) hak² dan kewajipan² yang tersebut itu hendak-lah, walau apa pun peruntukan² Ordinance Bank Pusat Malaysia, 1958, di-sifatkan sa-bagai hak² dan kewajipan² Bank Negara Malaysia dan peruntukan² sekshen 4 tidak-lah lagi di-pakai terhadap Kumpulan Wang Yang di-Satukan bagi Persekutuan; dan 61/1958.

(b) dengan tidak menyentoh mana² kuasa lain Bank Negara Malaysia sa-bagaimana yang di-peruntokan dalam Ordinance Bank Pusat Malaysia, 1958, Bank Negara Malaysia ada-lah mempunyai kuasa² berikut, ia-itu—

(i) menerima bagi akaun-nya sendiri, Hak² Pengeluaran Khas yang di-beri kepada Malaysia di-bawah Perkara 24 dalam Perkara² Perjanjian sa-bagaimana di-pinda dan hak yang di-perolehi oleh Malaysia dengan jalan lain;

(ii) memasokkan Hak² Pengeluaran Khas ka-dalam rizab aset luar negeri-nya yang akan di-pegang mengikut sekshen 28 Ordinance Bank Pusat Malaysia, 1958;

(iii) menerima bagi akaun-nya sendiri, segala hasil yang terbit daripada penggunaan Hak² Pengeluaran Khas oleh Malaysia dan pembayaran bunga kepada Malaysia di-bawah Perkara 26, Perkara 30 dan Perkara 31 dalam Perkara² Perjanjian sa-bagaimana di-pinda; dan

(iv) membuat pembayaran dengan mata wang sa-bagai balasan bagi Hak² Pengeluaran Khas dan pembayaran bayaran² atau bayaran taksiran di-bawah Perkara 26, Perkara 30 dan Perkara 31 dalam Perkara² Perjanjian sa-bagaimana di-pinda.

Act
berhubung
dengan
75/57.

6. Peruntokan² Ordinance Perjanjian Bretton Woods, 1957, hendak-lah di-bacha terta'alok kapada peruntokan² Act ini.

HURAIAN

Rang Undang² ini bermaksud pertama-nya untok mengadakan suatu achara berkenaan dengan persetujuan Malaysia tentang pindaan² kapada Perkara² Perjanjian Kumpulan Wang Antarabangsa sa-bagaimana di-luluskan oleh Lembaga Pengelola Kumpulan Wang Antarabangsa pada 31 haribulan Mei, 1968—Fasal 3.

2. Rang Undang² ini juga bermaksud untok membolehkan Kerajaan Malaysia atau Bank Negara Malaysia, mengikut mana yang berkenaan, mengambil bahagian dalam kemudahan "Hak² Pengeluaran Khas" yang akan di-tubuhkan di-bawah Perkara² Perjanjian Kumpulan Wang sa-bagaimana di-pinda. Ini ada di-peruntokkan dalam Fasal 4 dan 5 dalam Rang Undang² ini.

3. Jika Yang di-Pertuan Agong membenarkan Bank Negara Malaysia menjalankan hak² dan menunaikan kewajipan² yang terbit sa-telah suatu suratchara di-depositkan sa-bagaimana di-kehendaki menurut peruntokan yang di-chadang dalam Fasal 3 (b), Rang Undang² ini memperuntokkan bahawa hak² dan kewajipan² itu hendak-lah tatkala itu di-sifatkan sa-bagai hak² dan kewajipan² Bank Negara Malaysia walau apa pun peruntokan² Ordinance Bank Pusat Malaysia, 1958. Rang Undang² ini sa-lanjut-nya memperuntokkan bahawa apabila kebenaran sa-umpama itu di-buat oleh Yang di-Pertuan Agong Bank Negara hendak-lah dengan itu mempunyai kuasa² yang tersebut dalam Fasal 5 (2) (b) dengan tidak menyentuh mana² kuasa Bank Negara sa-bagaimana yang di-tentukan dalam Ordinance Bank Pusat Malaysia, 1958.

[P.N. 4629.]